

**PKR desak Najib potong subsidi korporat, bukan naikkan harga minyak**  
**Malaysian Insider**  
**Sept 3 , 2013**  
**OLEH MD IZWAN**

Pengumuman kenaikan harga minyak kepada 20 sen yang diumumkan Datuk Seri Najib Razak adalah langkah salah, sebaliknya PKR mendesak supaya Putrajaya memotong subsidi korporat terlebih dahulu.

Menurut Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli (gambar), langkah Putrajaya tersebut adalah jalan pintas kerana kerajaan sewajarnya menimbang memotong subsidi korporat yang lebih besar nilainya.

"Kami bertegas bahawa PKR menentang sebarang kenaikan harga minyak selagi subsidi korporat (dalam bentuk subsidi gas kepada industri dan penjana bebas) tidak distrukturkan semula kerana ia adalah tidak adil menghukum rakyat kebiasaan yang sudah pun bergelut dengan kesempitan," kata Rafizi dalam satu sidang media di Ibu Pejabat PKR hari ini.

Rafizi menganggarkan jumlah subsidi korporat yang diberikan kerajaan adalah hampir dengan pemotongan subsidi petrol dan diesel yang berjumlah RM14.8 bilion diumumkan Najib semalam.

Rafizi berkata jumlah subsidi RM24.8 bilion untuk RON95 dan diesel yang dikatakan ditanggung kerajaan adalah tidak tepat, kerana 41% daripada jumlah tersebut adalah subsidi korporat.

"Sejumlah RM10 bilion subsidi setiap tahun adalah subsidi gas dan LPG (gas petroleum cecair) yang ditanggung oleh kerajaan. Ini tidak termasuk anggaran subsidi gas kepada penjana bebas sebanyak sekitar RM8 bilion setiap tahun.

"Ini bermakna, subsidi korporat yang diberikan melalui subsidi gas kepada industri dan penjana bebas, dianggarkan sekitar RM13 bilion setiap tahun adalah hampir sama dengan subsidi petrol dan diesel yang diberikan kepada rakyat," katanya.

Najib semalam mengumumkan kenaikan harga RON95 dan diesel sebanyak 20 sen, bagi memastikan sasaran kerajaan untuk mencapai defisit fiskal dalam lingkungan 3% berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2015 dan bajet berimbang menjelang 2020.

Langkah tersebut mendapat sokongan pakar ekonomi yang menyifatkannya sebagai baik bagi menangani hutang kerajaan yang semakin meningkat, iaitu ketika ini berada pada paras 53.5 peratus berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada hujung tahun lepas.

Sejurus pengumuman semalam, orang ramai bergegas dan memenuhi stesen minyak serta meluahkan rasa tidak puas hati mereka terhadap langkah kerajaan tersebut.

Kali terakhir minyak petrol RON95 dan diesel dinaikkan ialah pada 2010, sebanyak 5 sen seliter. - 3 September, 2013.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-desak-najib-potong-subsidi-korporat-bukan-naikkan-harga-minyak>